

03 MAR 1997

SAMBUTAN RASMI KETIBAAN PERDANA MENTERI CROATIA

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Croatia Zlatko Matesa yang tiba semalam untuk lawatan tiga hari diberikan sambutan rasmi di medan Parlimen pagi ini.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir ialah menteri pengiring Datuk Suleiman Mohamed.

Matesa kemudian dibawa memeriksa barisan kehormat Regimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mej Ramli A. Rahman.

Pemimpin Croatia itu juga telah diperkenalkan kepada Menteri Kabinet, ketua perwakilan asing dan para tetamu kehormat yang hadir.

Matesa mengetuai delegasi 12 anggota yang terdiri daripada tiga menteri, dua naib menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Beliau dijadualkan berbincang dengan Dr Mahathir dan melawat Multimedia Development Corporation Sdn Bhd tengah hari ini. -- BERNAMA

RV RI PR